

AKTIVITI PENDAKIAN BUKIT KLEDANG DALAM PROGRAM 'INSKEP BMI CHALLENGE' (IBC)

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4889-aktiviti-pendakian-bukit-kledang-dalam-program-inskep-bmi-challenge-ibc

IPOH, 23 Apr 19 – Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah menganjurkan aktiviti Pendakian Bukit Kledang, Perak dalam melaksanakan Program 'INSKEP BMI Challenge' (IBC).

Program yang diselenggarakan oleh Pegawai Sukan INSKEP, Lt Muhamad Syazwan bin Ahmad TUDM ini diadakan bertujuan untuk membantu anggota mencapai tahap BMI unggul yang menjadi syarat utama bagi kenaikan pangkat dan pengesahan jawatan dalam perkhidmatan.

Pendakian sejauh 16.4 km ini turut disertai oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM bersama 16 anggota Program IBC dan pasukan sahabat Akedemi Tentera Udara (ATU) Ipoh.

